

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

PLG_428 - Masalah-Masalah dan Isu-Isu Pendidikan Semasa

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi.
(2 jam)

Jawab **TIGA** (3) soalan.

Bagi tiap-tiap soalan mulakan jawapan pada muka surat yang baru.

BAHAGIAN A

Jawab **SATU** soalan sahaja. Pilih Soalan No. 1 ATAU Soalan No. 2.

1. Beberapa langkah atau "Tindakan Tertentu" yang pernah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah dianggap sebagai "Muslihat" yang akan mengakibatkan penukaran penggunaan bahasa Cina di seluruh SRJK (C). Dengan ringkas,uraikan langkah-langkah atau "tindakan tertentu" itu; dan pada fikiran anda apakah jalan yang paling baik untuk mencapai penyelesaian masalah dan isu ini.
2. "Dalam sejarah pendidikan di Malaysia, belum pernah Menteri Pelajaran menggunakan kuasa untuk menukar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan". Oleh itu Akta Pelajaran 1961 perenggan 21.2 tidak perlu dipinda.

Apakah implikasi pernyataan di atas?

... 2/-

BAHAGIAN_B

Jawab mana-mana 2 soalan.

3. Sekolah kerap kali dianggap sebagai suatu agen untuk menyemaikan semangat perpaduan. Salah satu idea atau cadangan yang pernah difikirkan ialah mengadakan suatu rancangan perpaduan murid di dalam kegiatan khas:

- (i) Permainan
- (ii) Penyertaan Beramai
- (iii) Khidmat Masyarakat

Selain daripada ketiga-tiga langkah tersebut, apakah langkah-langkah atau idea-idea yang difikir wajar dilaksanakan dalam usaha menggalakkan perpaduan murid di peringkat sekolah rendah, menengah serta pelajar-pelajar di peringkat institusi pelajaran tinggi.

4. Pada akhir-akhir ini kerap dilaporkan dalam media massa bahawa "Disiplin guru sekolah makin merosot".

Sejauh manakah kenyataan ini benar dalam konteks isu dan masalah dalam bidang pendidikan yang kerap dibincangkan itu.

5. Kegiatan ko-kurikulum telah diwajibkan bagi semua pelajar sekolah. Apakah isu atau masalah yang kerap dibangkit oleh masyarakat kita akibat daripada mewajibkan kegiatan ko-kurikulum ini?

6. Pencerapan Guru Besar di bilik darjah dianggap suatu langkah yang sesuai untuk memperbaiki mutu pengajaran-pembelajaran (pendidikan) di Malaysia. Terangkan kebaikan serta keburukan tentang arahan pencerapan Guru Besar di bilik darjah semasa guru mengajar.

ooo0000ooo